

Oleh **Abd Razak Hussin**



Kisah kasih sayang seekor anjing terhadap manusia

Setiap waktu subuh, salah satu keterujaan saya apabila pergi berjemaah di masjid di belakang rumah ialah melihat seekor anjing berwarna hitam yang duduk berhampiran sebuah kereta Kancil milik jiran bernama Hassan. Setiap pagi saya mencari anjing itu yang kelihatan jinak dan sopan, tidak pernah mengganggu jemaah yang berkunjung ke masjid. Saya kira sudah lebih empat tahun pemandangan dan suasana ini dilalui.

Selesai solat Subuh, apabila kereta Hassan bergerak meninggalkan masjid, anjing hitam itu akan berlari-lari mengiringinya pulang ke rumah. Begitulah rutin harian anjing hitam dan Hassan, tanpa gagal selama tempoh tersebut kecuali anjing itu sakit. Apabila saya bertemu Hassan pada setiap pagi, beliau sudah tahu apa soalan yang bakal diajukan. Dia menunjukkan di mana 'sahabatnya' berada, kebiasaan di belakang atau bahagian tepi keretanya.

Anjing yang kini menjadi sahabat setianya itu ditemui pada satu hari, lebih empat tahun lalu. Seekor anak anjing yang kecil datang di halaman rumah seperti memerlukan pertolongannya. Saat itulah permulaan Hassan memberi makna dalam hidup anjing itu dengan menghulurkannya makanan dan air. Bermulalah rutin Hassan memberi makanan dan air kepada anjing itu setiap hari. Sebagai imbuhan, Hassan dapat merasai jiwa persahabatan yang bertaut walaupun dengan sekadar anjing itu mengiringi pergi dan pulang dari masjid.

Ibrah atau pengajaran daripada perenungan terhadap hubungan simbiosis antara dua makhluk Tuhan itu ialah tersemai suburnya nilai berbudi, membalas budi, menghargai, persahabatan, kesetiaan dan ketenangan yang tidak berasaskan kepada kebendaan dan tanpa sebarang syarat.

Hubungan antara Hassan dengan anjing itu mengingatkan saya kepada kisah yang berlaku pada zaman Nabi Isa mengenai seorang perempuan pelacur dengan anjing yang amat kehausan. Mungkin banyak lagi kisah anjing dengan manusia yang terakam dalam sejarah kewujudan alam ini sejak ribuan tahun lalu.

Justeru, rasa kemanusiaan yang begitu tebal dan mengasihani makhluk Allah yang lain, pelacur itu lebih rela mengorbankan nyawanya. Maka anjing itu didahulukan dan akhirnya wanita itu menghembuskan nafasnya yang

terakhir tanpa dapat menikmati air yang diusahakan sendiri untuk menyambung pernafasannya.

Menerusi satu sumber yang saya baca, berasaskan peristiwa itu, malaikat Malik dan Ridwan saling berebut. Malik si penjaga neraka sangat ingin membawa perempuan itu ke neraka, sementara Ridwan si penjaga syurga cuba mempertahankannya dan ingin membawanya ke syurga. Akhirnya persoalan itu mereka hadapkan kepada Allah.

"Ya Allah, sudah semestinya pelacur itu disiksa di neraka kerana sepanjang hidupnya menentang larangan-Mu", kata Malik. "Tidak!", bantah Ridwan. "Ya Allah, bukankah hamba-Mu itu termasuk seorang wanita yang ikhlas melepaskan nyawanya demi nyawa anjing yang kehausan, sementara dia sendiri kehausan yang amat sangat?"

Mendengar hujah Ridwan, Allah berfirman, "Kau benar wahai Ridwan, wanita itu menebus dosanya dengan mengorbankan nyawanya demi makhluk-Ku yang lain. Bawalah ia ke syurga, Aku meredainya." Malaikat Ridwan membawa hamba Allah itu memasuki syurga. Lalu bergemalah suara takbir, malaikat berbaris memberi hormat kepada wanita yang ikhlas itu.

Kembali kepada pertalian antara Hassan dengan anjing hitam itu, jelas terpapar bagaimana menerusi siraman budi tanpa syarat membentuk kesetiaan dan kasih sayang seekor anjing kepada seorang manusia. Hassan pula tidak merasakan makanan dan air yang disediakan setiap hari sebagai budi, sebaliknya secara naluri hanyalah pancaran kemanusiaan yang tebal terhadap makhluk ciptaan Tuhan yang harus diraikan.

Dalam konteks kelompok manusia, kesetiaan yang tulus juga pastinya muncul kerana perhubungan ikhlas tanpa meletakkan apa-apa syarat. Sebagai majikan, seandainya pekerja diganjar dengan imbuhan yang sesuai dan setimpal, disediakan ganjaran itu dengan kesedaran tanggungjawab majikan yang ikhlas kerana menghargai pelaksanaan tugas yang diberikan, saya pasti pekerja akan mencurahkan ketaatan dan kesetiannya juga dengan ikhlas dan penuh penghargaan. Naluri itu muncul disebabkan mereka sedar bahawa majikannya melaksanakan kejujuran terhadap mereka dan tidak pula mereka berasa ditindas.

Penulis Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Canselor UKM

FAKTA

Kesetiaan tulus pasti muncul kerana perhubungan ikhlas tanpa meletakkan apa-apa syarat